



اُيْتِمُ تِكْنُولُوجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN*

EDISI 2
APRIL 2025

U
R
H
P

UiTM *di hatiku*

اوسمها تقوى موليا

COLORS OF CARE

Nur Amylia Atira Sabarudin, Naz Asyraf Mohammad Nazarul & Muhammad Aiman Awaluddin



Pada 4 Januari 2025, program khidmat masyarakat yang dikenali sebagai "Colors of Care" telah diadakan di Wad Kanak-Kanak, Hospital Tuanku Ja'afar, Jalan Rasah, Bukit Rasah, 70300 Seremban, Negeri Sembilan. Program ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej 2024. Program ini mendapat sokongan penuh oleh Staf Residen Kolej dan melibatkan seramai 31 peserta serta 20 orang ahli jawatankuasa.



Objektif utama program ini adalah untuk memberikan sokongan moral, emosi, dan kebahagiaan kepada pesakit muda yang sedang menerima rawatan di hospital. Wad hospital sering kali menjadi tempat yang mencabar bagi kanak-kanak kerana mereka terpaksa berpisah daripada keluarga dan persekitaran rumah. Program ini direka untuk menceriakan suasana

wad kanak-kanak dan membantu mengurangkan rasa takut serta kebosanan melalui aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan dan interaktif.



Aktiviti yang dijalankan termasuk sesi interaktif seperti aktiviti seni dan kraf seperti mewarna dan melukis bagi mencetuskan kreativiti kanak-kanak. Dalam masa yang sama, permainan sukaneka yang direka khas untuk menghiburkan dan melibatkan kanak-kanak secara aktif. Antaranya seperti 'teka siapa saya' dan sorokan berkumpulan yang menarik untuk menghiburkan dan meningkatkan mood pesakit muda, oleh sukarelawan untuk memberikan semangat kepada kanak-kanak.



Turut hadir memeriahkan program ialah, Dr. Muhammad Aiman bin Awaluddin dan Puan Saflina binti Azis Staf Residen Kolej (SRK). Para penjaga pesakit juga turun menyaksikan dan memeriahkan suasana pada hari itu.

Bajet yang dimohon adalah sebanyak RM 2007.00 manakala bajet yang diluluskan adalah RM 852.00. Kesemua bajet yang diterima digunakan secara efisien untuk perbelanjaan seperti bahan aktiviti, makanan ringan untuk kanak-kanak, dan dekorasi wad kanak-kanak.



Program "Colors of Care" telah mencapai objektifnya dengan cemerlang. Ia berjaya memberikan pengalaman yang positif kepada kanak-kanak serta mencipta suasana yang ceria dan penuh kasih sayang di wad hospital. Pihak penganjur mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat, termasuk peserta, ahli jawatankuasa, dan staf residen kolej, yang menjayakan program ini.



Diharapkan program ini dapat dijadikan acara tahunan untuk terus menyebarkan kegembiraan dan sokongan kepada kanak-kanak yang memerlukan.

